



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SCHOOL OF COMPUTING
Faculty of Engineering

**UHIS1022-78 FALSAFAH DAN ISU SEMASA
(PHILOSOPHY AND CURRENT ISSUES)**

**Tugasan Individu
Refleksi**

Pensyarah : **DR. Nurazmalail bin Marni**

**NAMA: WONG HUI SHI
MATRIK.NO: A20EC0169**

REFLEKSI (Webinar Wacana Dekolonisasi Intelektual)

Pada 10 Januari 2021, Webinar Wacana Dekolonisasi Intelektual diadakan secara atas talian melalui Facebook Live. Terdapat dua orang panel berpengalaman iaitu Prof. Dr Kamaruzaman bin Yusoff dan Nasruddin bin Yunos. Tujuan mengadakan wacana tersebut ialah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada para berkenaan dengan dekolonisasikan.

Dalam wacana ini, Prof. Dr Kamaruzaman memberi penerangan tentang dekolonisasikan. Selepas mendengar penerangan beliau, saya memahami bahawa kolonisasikan merupakan satu usaha yang dilakukan oleh pihak penjajah untuk menguasai serta memodenkan sesebuah negara. Mengikut “The White Man Burden”, orang-orang barat menggunakan kaedah penjajahan untuk memajukan orang-orang yang tidak bertamadun. Dekolonisasikan berlaku selepas perperangan kedua iaitu pada masa itu kebanyakan negara telah dimerdekaan. Dekolonisasikan berlaku dalam bentuk rundingan dan melalui perperangan menentang penjajah. Para agamawan dan nasionalis tempatan telah melakukan dekolonisasikan. Terdapat faktor yang menentang dari aspek hasil bumi, kuasa pengawalan negara dan keadilan. Beberapa proses yang dilakukan oleh para pejuang menentang penjajahan juga dibincangkan. Keadilan, kebebasan, nilai Pendidikan dan kesesuaian undang-undang dipentingkan oleh para pejuang. Dekolonisasikan berlaku supaya aspek-aspek penjajahan dapat dikurangkan.

Dekolonisasikan pemikiran bermaksud membebaskan diri daripada pengaruh penjajahan dari sudut pemikiran. Menurut penerangan Dr Nasruddin dari sudut bahasa, bahasa haruslah diguasai oleh setiap orang tetapi jangan terlebih. Kalau terlebih memahami dan belajar bahasa tersebut, pemikiran seseorang akan dipengaruhi oleh sarat nilai bahasa. Dengan menguasai sesuatu bahasa, nilai-nilai dalam bahasa boleh mendirikan jati diri seseorang. Selain itu, dari sudut budaya. Melalui penerangan Dr Nasruddin, budaya boleh diikut tetapi sempadan haruslah dikawalkan. Tanpa sempadan, seseorang itu akan keliru dan dipengaruhi sehingga lupa dasar kebudayaan sendiri. Agama seharusnya dipercayai oleh generasi muda pada masa kini. Seterusnya, dari sudut keilmuan. kita haruslah melihat diri kita dari kaca mata kita sendiri.

Neokolonisasikan juga dikenali sebagai post kolonisasikan. Globalisasi dari segi ekonomi dan penguasaan budaya terutama budaya hidup, makan, bahasa. Budaya dari barat telah memberi kesan kepada pemikiran dan nilai seseorang. Bantuan bersyarat juga rapat berkaitan dengan neokolonisasikan. Neokolonisasikan memberi kesan dalam segi ekonomi dan teknologi.

Langkah bagi kerajaan mengembalikan jati diri rakyat yang berbilang kaum. Kerajaan melaksanakan dasar-dasar kerajaan strategi pelaksanaan. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan jabatan-jabatan lain berusaha untuk membina jati diri baru kepada rakyat Malaysia. Sebenarnya, sikap individu amat penting dalam menjayakan dasar-dasar yang diletakkan oleh kerajaan. Pendidikan amat difokuskan untuk membina jati diri sejak kecil. Kebanyakan pelajar sekarang menghadapi masalah dari segi komunikasi, inisiatif dan juga kreativiti. Jati diri pelajar masih tidak mantap. Pendidikan Rukun Negara dapat membina jati diri seseorang jika dihayati dengan baik. Penguasaan sesuatu bahasa amat penting dalam pembinaan jati diri seseorang. Di Malaysia, sekurang-kurangnya tiga bahasa boleh dikuasai oleh semua warganegara. Penguasaan sesuatu bahasa bukan dilihat dari segi pencapaian tetapi dilihat dari segi

kefasiran dan juga kehayatan terhadap bahasa tersebut. Budaya juga dapat membina jati diri dan membangkit nilai seseorang

Sikap yang perlu diambil sebagai seorang pelajar. Pelajar haruslah bersedia untuk belajar secara berterusan dalam dua bentuk iaitu pendidikan secara formal dan pendidikan secara tidak formal. Pendidikan tidak sepatutnya berhenti di peringkat undergraduate. Pendidikan haruslah dilakukan secara berterusan, pelajar haruslah menjadi professional dalam bidang masing-masing. Pendidikan menggunakan akal tanpa putus. Perkara yang penting dalam kepelbagaian kaum ialah kita haruslah mempelajari, memahami, mengamalkan prinsip-prinsip yang diterima oleh semua agama contohnya toleransi, bekerjasama setakat kemampuan, berlapang dada. Semua warganegara merupakan rakyat Malaysia walaupun berbeza kaum. Dengan adanya toleransi dan kerjasama setiap individu, negara dapat dibangunkan megikut acuan. Selepas mempunyai jati diri masing-masing, kita haruslah berasa bangga dengan adanya jati diri tersebut dan mengukuhkannya. Mangaku bahawa kita masih dijajah, megukuhkannya jati diri, perjuangkan kearifan tempatan dan membangsakan diri kita sebagai rakyat Malaysia. Dengan adanya keempat-empat ciri-ciri tersebut, pembagunan negara dapat mengarah ke acuan kita.

Pada pendapat saya, Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum. Walaupun adanya perbezaan dari segi agama, makan, pakaian, bahasa dan sebagainya, masyarakat turut dapat hidup bersama dengan baik. Sebagai rakyat Malaysia, kita haruslah berlapang dada untuk menerima kaum lain. Kita seharuslah berasa bangga dan cuba menguasai dan memahami adat resam yang terdapat dalam setiap kaum. Dengan ini, semua warganegara yang berbilang kaum dapat saling menghormati antara satu sama lain. Walaupun mempunyai peluang dan kemampuan untuk mempelajari ilmu pelbagai kaum tetapi kita haruslah belajar dengan ada sempadannya dan bukannya terikut-ikut ajaran secara membuta tuli. Kita seharuslah mempunyai pemikiran sendiri dan mempunyai pemikiran bebas supaya kita dapat berfikir dan membuat keputusan sendiri tanpa dipengaruhi oleh perkara-perkara lain. Selain itu, kita juga haruslah menggunakan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan kita dengan baik dan bukan menjadikan ilmu tersebut sebagai suatu alat untuk mendapatkan pencapaian yang bagus dalam keputusan peperiksaan atau ujian. Walaupun negara kita sudah dimerdekaan, terdapat juga beberapa cabaran yang hendak dihadapi oleh masyarakat terutamanya dekolonisasi pemikiran. Banyak ilmu yang haruslah dipelajari untuk mengurangkan penjajahan pemikiran. Dengan ini, negara boleh menjadi semakin maju dengan adanya rakyat yang mempunyai fikiran bebas. Pembagunan negara dapat ditingkatkan dan taraf kehidupan masyarakat dapat dinaikan.

Selepas mendengar webinar ini, terdapat beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan oleh pelbagai pihak untuk mengurangkan dekolonisasi. Antaranya ialah pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi untuk mengurangkan dekolonisasi supaya negara kita mengarah ke arah yang lebih baik. Namun begitu, dekolonisasi juga masih ada. Oleh itu, sebagai seorang pelajar, saya seharuslah bertanggungjawab mengubah dan juga meningkatkan kemampuan dan kemahiran sendiri. Contohnya, saya haruslah berusaha dengan bersungguh-sungguh, menggunakan dan menghayati ilmu yang dipelajari dengan sebaik mungkin. Dengan ini, saya dapat menggunakan ilmu yang diperolehi dengan baik pada masa yang akan datang. Seterusnya, sebagai warganegara, kita haruslah banyak membeli dan menggunakan produk Malaysia berbanding dengan produk negara asing. Dengan ini, ekonomi Malaysia dapat ditingkatkan sambil memupuk nilai patriotism. Selain itu, ibu bapa juga berperanan untuk mendidik dan memupuk nilai-nilai kepada anak mereka sejak kecil. Dengan adanya nilai-nilai daripada ibu bapa, jati diri anak dapat dibinakan dengan lebih awal. Dengan ini, anak-anak dapat belajar untuk berdikari dan juga mempunyai fikiran sendiri.